



Aturcara Kebaktian Persekutuan Rohani

(untuk kelompok kecil dan keluarga)

Catatan: Apabila kita tidak dapat menghadiri kebaktian Yukaris kerana terdapat keadaan yang tidak membenarkan, perbuatan berdoa dan bermeditasi ini membolehkan kita untuk melibatkan diri kita dengan perbuatan Yukaris dan menyerahkan diri kepada rahmat dan berkat Allah. Perhatikan bahawa adalah tidak sesuai untuk menggunakan Aturcara Persekutuan Rohani apabila sakramen boleh diterima melalui Perjamuan Suci. Aturcara kebaktian ini boleh dipimpin oleh ketua keluarga atau mana-mana orang yang berkebolehan dalam kelompok kecil.

NYANYIAN PUJIAN ATAU HIM BOLEH DINYANYIKAN

Atau anda boleh berdiam seketika

Pemimpin: Allah Mahakuasa, Bapa syurgawi kami, kami berkumpul di hadapan Engkau pada hari ini di dalam doa dan memujaMu dengan kerendahan hati atas semua perkara yang telah Engkau lakukan dalam kehidupan kami kerana Engkaulah Tuhan Allah kami. Kami berterima kasih dan memujiMu kerana kasihMu yang besar, kerana Engkau sanggup mengorbankan AnakMu, dan mengutuskan Dia sebagai Domba Persembahan KorbanMu untuk mati dan menebus kami daripada dosa kami, melalui Yesus Kristus, Tuhan kita.

Semua: **Amin.**

Pemimpin: Terpujilah Allah, +Bapa, Anak dan Roh Kudus. Terpujilah juga KerajaanNya, sekarang dan selama-lamanya.

Semua: **Amin.**

Pemimpin: Biarlah kuasa Roh Kudus datang ke atas kami, Ya Tuhan, untuk menyucikan hati kami dengan penuh belas kasihan dan melindungi kami daripada semua kesusahan; melalui Kristus Tuhan kami.

Semua: **Amin.**

Pemimpin: Bapa Mahakuasa, terima kasih untuk AnakMu Yesus Kristus yang telah mengatakan:

“Dengarlah! Aku berdiri di hadapan pintu sambil mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke rumahnya. Aku akan makan bersamanya dan dia bersama-Ku” (Wahyu 3:20).

“Aku pokok anggur dan kamu ranting-rantingnya. Jika kamu tetap di dalam-Ku dan Aku di dalammu, kamu akan berbuah lebat. Tanpa-Ku, kamu tidak dapat menghasilkan apa-apa.” (Yohanes 15:5).

Kami berterima kasih kepada Engkau, Bapa Mahakuasa untuk kebaikan dan belas kasihanMu kerana:

“Engkau menyediakan hidangan untukku di hadapan musuhku. Engkau mengurapi kepalaku; cawanku melimpah. Tentulah kebaikan dan kasih akan mengiringiku seumur hidupku, dan aku akan tinggal di dalam rumah Tuhan selama-lamanya.” (Mazmur 23:5-6).

Semua: Amin.

BACAAN DARI KITAB SUCI

Bacaan Injil diambil daripada Lectionary untuk hari Ahad yang berkenaan. Bacaan Perjanjian Lama dan Epistola boleh juga dibacakan.

KHUTBAH

Selepas bacaan Injil, anda boleh mengambil masa untuk mendengar dan merenungkan khutbah yang telah dirakamkan untuk hari Ahad tersebut.

PENGAKUAN IMAN PARA RASUL

Semua: Kami PERCAYA kepada Allah, Bapa yang Mahakuasa, Pencipta langit dan bumi.

Kami percaya kepada Yesus Kristus, Anak tunggal Allah, Tuhan kami. Dia telah diperanakkan oleh kuasa Roh Kudus dan dilahirkan daripada Maria Dara Perawan dan menjadi manusia. Dia menderita semasa pemerintahan Pontius Pilatus, disalibkan, mati lalu dikuburkan. Pada hari yang ketiga, Dia bangkit semula. Dia naik ke syurga dan kini bersemayam di sebelah kanan Bapa. Dia akan datang lagi dalam kemuliaan untuk menghakimi orang yang masih hidup dan yang telah mati.

Kami percaya kepada Roh Kudus, Eklisia yang kudus, katolik dan rasuli, pengampunan dosa, kebangkitan orang yang mati dan kehidupan di akhirat. Amin.

SYAFAAT

Dengan mengunaka perkataan anda sendiri, berdoa untuk Gereja dan untuk dunia, dan untuk keperluan anda sendiri serta keperluan-keperluan orang lain.

PENGAKUAN

Semua: Ya Allah, kami menyesal kerana kami telah berdosa terhadap Engkau dan untuk semua kesalahan yang telah kami lakukan, serta untuk perbuatan baik yang kami tidak lakukan. Ampuni kami untuk semua dosa kami demi Yesus, dan berikanlah kami kekuatan dan kebijaksanaan untuk mengubah hidup kami, menurut FirmanMu yang kudus. Amin.

PENERIMAAN

Pemimpin: Di dalam kesatuan, ya Yesus yang terpuji, kami bersama orang-orang yang setia berkumpul pada setiap altar Gereja yang mempersembahkan Tubuh dan DarahMu pada hari ini, kami mengingati Parish kami _____ (nama Parish) dan jemaat yang menyembah di sana, kami rindu untuk mempersembahkan pujian dan kesyukuran kepadaMu, untuk ciptaan dan kesemua berkat kehidupan ini, untuk penebusan yang telah Engkau menangi untuk kami melalui nyawa, kematian dan kebangkitanMu, untuk rahmat dan harapan iman.

Dan terutamanya untuk berkat yang diberikan oleh Engkau kepada kami iaitu _____ (sebutkan berkat itu), kami percaya bahawa Engkau benar-benar hadir di dalam Perjamuan Kudus, serta oleh kerana kami tidak dapat menerima perjamuan kudus, kami berdoa supaya Engkau datang ke dalam hati kami. Kami menyatukan diri kami dengan Engkau dan menerima Engkau dengan segenap hati, jiwa dan fikiran kami. Jangan biarkan apa-apa pun memisahkan kami daripada Engkau; biarlah kami melayani Engkau di dalam kehidupan ini sehingga, melalui rahmatMu, kami memasuki KerajaanMu yang gemilang dan penuh dengan damai sejahtera yang tidak berkesudahan.

Melalui Kristus Yesus Tuhan kami.

Semua: Amin.

DOA YANG DIAJAR TUHAN YESUS

Luangkan sedikit masa untuk bermeditasi mengenangkan betapa besarnya kasih Allah kepada anda sehingga Dia mengutus AnakNya yang Tunggal ke dunia untuk anda, dan kemudian katakan:

Pemimpin: Kita berdoa seperti yang diajarkan oleh Juruselamat kita.

Semua: Bapa kami di syurga, dikuduskanlah namaMu. Wujudlah kerajaanMu, jadilah kehendakMu, di bumi seperti di syurga. Berikanlah kami hari ini, keperluan harian kami. Ampunilah dosa-dosa kami seperti kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah membawa kami ke percubaan, tetapi bebaskanlah kami daripada kejahatan. Kerana Engkaulah empunya kerajaan, kuasa dan kemuliaan, kini dan selama-lamanya. Amin.

DOA PENYIMPULAN

Pemimpin: Tuhan Yesus datanglah, dan tinggal di dalam hati kami dengan kepenuhan kekuatanMu; jadilah sumber kebijaksanaan serta pimpinlah kami di jalan yang benar; ubahkan hidup dan perbuatan kami supaya menjadi serupa menurut gambaran kekudusanMu; serta di dalam kuasa kemurahan hatiMu, berkuasalah ke atas semua kuasa kegelapan yang mengancam atau mengganggu pertumbuhan KerajaanMu, yang dengan Bapa dan Roh Kudus, hidup dan memerintah, satu Allah, di dalam kemuliaan yang berkekalan.

Semua: **Amin.**

Semua: **Rahmat Tuhan Yesus Kristus, dan kasih Allah, serta persekutuan Roh Kudus, menyertai kita semua untuk selama-lamanya. Amin.**

Persekutuan Rohani ini dipetik dan diadaptasikan dari Buku Doa Saint Augustine. ©2014 Forward Movement